

# Aib dan tumbuk muka gadis, lelaki dipenjara tiga bulan dan denda

**KUCHING:** Seorang lelaki dipenjara tiga bulan dan didenda RM2,000 di Mahkamah Majistret di sini, semalam akibat mengaibkan kehormatan seorang gadis, selain menumbuk muka mangsa.

Majistret Ling Hui Chuan memerintahkan Mohd Ariffshahrin Bujang, 24, untuk dipenjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda.

Mohd Ariffshahrin yang tidak diwakili peguam itu mengaku bersalah sebaik didakwa atas dua pertuduhan.

Pertuduhan pertama dibuat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksan kerana menyebut perkataan yang mengaibkan kehormatan mangsa yang berusia 23 tahun.

Sementara pertuduhan kedua dibuat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan kerana mencederakan gadis itu dengan

cara menumbuk mukanya.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan oleh Mohd Ariffshahrin sekitar jam 3.42 pagi pada 15 Disember 2024, di hadapan sebuah gelanggang futsal di Kampung Buntal, Jalan Sultan Tengah, di sini.

Fakta kes mendedahkan mangsa telah disuruh oleh Mohd Ariffshahrin untuk melakukan perbuatan sumbang terhadapnya, namun mangsa enggan.

Keadaan ini membuatkan Mohd Ariffshahrin menumbuk muka mangsa dan seterusnya menyebabkan muka mangsa berasa sakit dan bengkak.

Susulan itu, mangsa membuat laporan polis dan tertuduh ditangkap pada 19 Disember 2024.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim.